

Rujukan : KPTM.AS.SPRS.SK.1(57)
Tarikh : 25 Mac 2019
: 18 Rejab 1440H

**Semua Ibumama Dan Pelajar Program Dalam KPTM
Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar**

Tuan/Puan,

PENDAFTARAN SEMULA PELAJAR KANAN PROGRAM DALAMAN KPTM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan anak tuan/puan dikehendaki mendaftar semula ke Sesi April 2019 yang akan dijalankan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Program	Tarikh	Masa	Tempat
Diploma in Accounting (AA101) Diploma Business Management (AB101) Diploma in Computer Science and Networking (CC103) Diploma in Information Technology (CT103)	11/4/2019 (Khamis)	8.30 pagi – 4.00 petang	Dewan Kilat TNB, Alor Setar

3. Untuk makluman tuan/puan, sekiranya anak tuan/puan masih mempunyai baki hutang semester lepas, hutang tersebut hendaklah dijelaskan terlebih dahulu. Pelajar boleh menyemak baki hutang di laman web <http://cmsas.kptm.edu.my> dan sila klik pada menu *finance* kemudian klik *account statement*. Pelajar yang gagal menjelaskan baki hutang semester lepas tidak akan dibenarkan mendaftar semula ke sesi April 2019.

4. Segala bayaran hendaklah dibuat melalui **Bank Islam Berhad (No Akaun : 02011010088218) "Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar"** dan menyerahkan satu slip pembayaran pada hari pendaftaran sebagai bukti pembayaran. Pelajar diingatkan untuk tidak menggunakan **CDM (Cash Deposit Machine)** ketika membuat pembayaran. Sila lihat lampiran

5. Kelewatan mendaftar pada tarikh yang ditetapkan merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan Akademik KPTM (Pindaan 2017) yang menetapkan denda lewat mendaftar sebanyak RM50.00 pada hari pertama dan RM30.00 pada hari-hari berikutnya dengan jumlah maksimum RM300.00.

6. **Peraturan etika pakaian dan rupa diri** perlu dipatuhi semasa hari pendaftaran. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan etika pakaian dan rupa diri tidak akan dibenarkan mendaftar.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menandatangani amanah,


ANUAR BIN ZAKARIA @ AZIZ
Pengarah
Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar

s.k. *Timbalan Pengarah Akademik*
Fail